



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	OPERASI PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM
KOD KURSUS	:	DPI 3243
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, Jawab **ENAM(6)** soalan dari BAHAGIAN B dan Jawab **TIGA (3)** soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Riba Al-Nasa ialah bayaran lebih daripada wang pokok(harta asal) mengikut perjanjian yang diisyaratkan terlebih dahulu.
2. Bank Perdagangan mempunyai peranan sebagai penasihat kerajaan khusus dalam kewangan.
3. Kumpulan Wang Simpanan Malaysia merupakan salah satu bentuk pelaburan yang disediakan oleh kerajaan.
4. Murabahah ertinya penyewaan yang berlaku kepada mereka yang memerlukan barangan.
5. Musyarakah abdan bererti pengusaha dan pemodal berkongsi wang dan kepakaran untuk melaksanakan sesuatu projek berlandaskan Islam.
6. Majlis pengawasan syariah merupakan satu badan perlaksanaan menyelia segala bentuk pengesahan dalam produk islam.
7. Objektif Bank Simpanan Nasional ialah meletakkan faktor keuntungan dalam pelaksanaan perniagaan mereka.
8. Pembangunan perbankan islam bermula pada tahun 1983 iaitu penubuhan Mit Ghamr Local Saving Bank di Mesir.
9. Kepercayaan kepada hari akhirat merupakan akidah dalam pembahagian Syariah.
10. Ijma' merupakan perbandingan antara satu hukum dalam perkara yang baru muncul dengan perkara yang telah ada hukum sebelumnya di dalam al-quran atau al-hadith.

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan. Jawab **ENAM (6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **DUA (2)** prinsip asas Perbankan Islam yang menjadi tunggak dalam sistem kewangan .

(5 markah)

SOALAN 2

Terangkan secara ringkas mengenai qias dan ijtihad

(5 markah)

SOALAN 3

Bincangkan perbezaan antara musyarakah abdan dan musyarakah mufawadah

(5 markah)

SOALAN 4

Bincangkan **DUA (2)** peranan yang dimainkan secara aktif oleh bank saudagar

(5 markah)

SOALAN 5

Berikan **LIMA (5)** ciri-ciri produk perbankan dan kewangan Islam.

(5 markah)

SOALAN 6

Bincangkan mengenai **general investment account** yang di aplikasikan di dalam perbankan Islam

(5 markah)

SOALAN 7

Terangkan mengenai ciri-ciri perbankan Islam .

(5 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Mudharabah ialah salah satu *instrument* dalam Kewangan Islam.

- a. Berikan definisi *Mudharabah*.
(2 markah)
- b. Terangkan **LIMA (5)** elemen *Mudharabah*.
(10 markah)
- c. Huraikan modus operandi *Mudharabah* dalam pembelian pelaburan.
(8 markah)

SOALAN 2

Syariah merupakan cara atau jalan yang memberi panduan kepada masyarakat dalam melaksanakan perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan lain-lain

- a. Terangkan **LIMA(5)** cabang Syariah
(10 markah)
- b. Huraikan kontrak di bawah:
 - i. Bai Bithaman Ajil
 - ii. Al-Murabahah
 - iii. Al-kafalah
 - iv. Al-Hiwalah
 - v. Bai salam
(10 markah)

SOALAN 3

Terangkan dengan jelas **EMPAT (4)** sumber-sumber syariah yang dijadikan panduan iaitu:

a. Al-Quran

(5 markah)

b. Hadis

(5 markah)

c. Qias

(5 markah)

d. Ijma

(5 markah)

SOALAN 4

Terangkan secara ringkas perkara-perkara berikut:

a. Pasaran modal islam

(5 markah)

b. Pasaran wang

(5 markah)

c. Bon

(5 markah)

d. Unit Trust

(5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

